Pendakwa Raya lwn Mohana Sundharam a/l Arunachalam dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO JA-43–37–06 TAHUN 2023 DAN JA-43–38–06 TAHUN 2023
ABU BAKAR KATAR H
12 JULAI 2023

Prosedur Jenayah — Tangkapan — Perintah reman — Penolakan permohonan reman — Majistret menolak permohonan reman di bawah s 117 Kanun Tatacara Jenayah kerana kegagalan mematuhi s 49(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta 694') — Permohonan semakan ke atas keputusan majistret di bawah s 323 Kanun Tatacara Jenayah — Tafsiran s 49 Akta 694 — Sama ada s 49(2) Akta 694 mandatori — Sama ada terdapat kelompangan dalam s 49 Akta 694 berkaitan prosedur jika siasatan tidak dapat dilengkapkan dalam tempoh 24 jam — Sama ada s 49 Akta 694 perlu ditafsirkan mengikut s 17A Akta Tafsiran 1948 dan 1967 — Sama ada s 49 Akta 694 perlu dibaca bersama-sama s 29(3) Akta 694 — Sama ada permohonan reman di bawah s 117 Kanun Tatacara Jenayah boleh dibuat — Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ss 29(3) & 49(2) — Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 17A — Kanun Keseksaan s 471 — Kanun Tatacara Jenayah s 117 & 323

Kedua-dua orang yang disyaki ('OYDS(1)' dan 'OYDS(2)') dalam kes ini telah ditangkap oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('SPRM') atas kesalahan-kesalahan di bawah s 471 Kanun Keseksaan. Memandangkan siasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam dari tarikh tangkapan, pihak SPRM telah memohon perintah reman di bawah s 117 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Namun begitu, permohonan tersebut telah ditolak oleh majistret atas alasan bahawa SPRM gagal mematuhi peruntukan s 49 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta tersebut'). Dalam membuat keputusan tersebut, majistret bergantung kepada keputusan Mahkamah Tinggi Temerloh dalam kes *Pendakwa Raya (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)) lwn Sathivel a/l Subramaniam dan lain-lain* [2023] MLJU 940 ('kes *Temerloh*') yang memutuskan bahawa pihak SPRM perlulah mematuhi pra syarat s 49(2)(a), (b) atau (c) Akta tersebut sebelum permohonan reman di bawah s 117 KTJ dibenarkan. Terkilan dengan keputusan majistret, timbalan pendakwa raya telah memfailkan permohonan semasa di bawah s 323 KTJ untuk mahkamah menjalankan kuasa semakan ke atas keputusan tersebut. Timbalan pendakwa raya berhujah, antaranya, bahawa majistret terkhilaf apabila gagal menimbangkan keputusan dalam kes *Public Prosecutor v Ayar & Ors* [2010] 4 MLJ 400 ('Ayar & Ors') yang memutuskan bahawa dalam keadaan terdapat kelompangan di mana

peruntukan s 47D Akta Perikanan 1985 tidak memperuntukkan secara jelas apakah prosedur yang perlu diikuti sekiranya siasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam, s 117 KTJ adalah terpakai.

Diputuskan:

(1) Mahkamah berpendapat, majistret telah menolak permohonan reman tersebut hanya berdasarkan keputusan kes *Temerloh* tanpa menimbangkan kes *Ayar & Ors*. Mahkamah berpendapat bahawa peruntukan s 49 Akta tersebut perlulah ditafsirkan mengikut s 17A Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ('Akta 388') iaitu apakah objektif atau tujuan Akta tersebut digubal oleh Badan Parlimen. Selain itu, peruntukan s 49(2) Akta tersebut perlulah dibaca bersama s 29(3) Akta tersebut bagi mencapai maksud tafsiran s 17A Akta 388. Mahkamah berpendapat bahawa pihak SPRM dalam menjalankan tugasnya untuk menyiasat pelaku rasuah mempunyai pilihan yang luas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 29(3) Akta tersebut, dalam keadaan peruntukan s 49 Akta tersebut yang senyap dan tidak memperuntukkan prosedur jika siasatan tidak dapat dilengkapkan dalam tempoh 24 jam, mengambil pendekatan secara harfiah di bawah s 17A Akta 388, dan mengambil kira niat Parlimen semasa mengubal Akta tersebut, pihak SPRM tidak terhad kepada peruntukan s 49(2) Akta tersebut semata-mata, sebaliknya pihak SPRM boleh memohon reman di bawah s 117 KTJ. Mahkamah juga mendapati bahawa peruntukan s 49(2) Akta tersebut bukanlah bersifat mandatori kerana semasa menggubal peruntukan tersebut, Badan Parlimen memilih perkataan 'may' dan bukan 'shall' (lihat perenggan 20, 25, 28–30, 36, 38, 41 & 43).

(2) Memandangkan OYDS(1) dan OYDS(2) telah dilepaskan sebaik sahaja permohonan reman oleh SPRM ditolak, maka, ini telah menjadi perkara akademik. Oleh itu, mahkamah tidak berhasrat untuk mengeluarkan apa-apa perintah dalam permohonan semakan ini (lihat perenggan 44).

[English summary

The two suspects ('OYDS(1)' and 'OYDS(2)') in this case were arrested by the Malaysian Anti-Corruption Commission ('MACC') for offences under s 471 of the Penal Code. Since the investigation could not be completed within 24 hours from the date of arrest, the MACC applied for a remand order under s 117 of the Criminal Procedure Code ('the CPC'). However, the application was rejected by the magistrate on the grounds that the MACC failed to comply with the provisions of s 49 of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 ('the Act'). In making the decision, the magistrate relied on the decision of the High Court of Temerloh in the case of *Pendakwa Raya (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)) lwn Sathivel a/l Subramaniam dan lain-lain* [2023] MLJU 940 ('*Temerloh*'s case') which decided that the MACC must comply with the preconditions of s 49(2)(a), (b) or (c) of the Act before

the remand application under s 117 of the CPC could be allowed. Aggrieved by the magistrate's decision, the deputy public prosecutor had filed the present application under s 323 of the CPC for the court to exercise its review powers over the decision. The deputy public prosecutor argued, inter alia, that the magistrate erred when she failed to consider the decision in the case of *Public Prosecutor v Ayar & Ors* [2010] 4 MLJ 400 ('Ayar & Ors') which ruled that in circumstances where there was a lacuna where the provisions of s 47D of the Fisheries Act 1985 did not provide clearly what procedure should be followed if the investigation could not be completed within 24 hours, s 117 of the CPC was applicable.

Held:

(1) The court found that the magistrate had rejected the remand application only based on the decision in *Temerloh*'s case without considering the *Ayar & Ors*'s case. The court was of the opinion that the provisions of s 49 of the Act must be interpreted in accordance with s 17A of the Interpretation Act 1948 and 1967 ('Act 388') which was the objective or purpose of the enactment of the Act by the Parliament. In addition, the provisions of s 49(2) of the Act must be read together with s 29(3) of the Act in order to achieve the meaning of the interpretation of s 17A of Act 388. The court was of the view that the MACC in carrying out its duties to investigate the perpetrators of corruption had a wide range of options as provided in under s 29(3) of the Act, in the circumstances whereby the provision of s 49 of the Act was silent and did not provide for a procedure if the investigation could not be completed within 24 hours, by applying the literal approach under s 17A of Act 388, and taking into account the intention of the Parliament in enacting the Act, the MACC was not limited to the provisions of s 49(2) of the Act alone, instead the MACC could apply for a remand under s 117 of the CPC. The court also found that the provision of s 49(2) of the Act was not mandatory because when enacting the provision, the Parliament chose the word 'may' and not 'shall' (see paras 20, 25, 28–30, 36, 38, 41 & 43).

(2) Since OYDS(1) and OYDS(2) were released as soon as the remand application by MACC was rejected, thus, this had become an academic matter. Therefore, the court did not intend to issue any order in this review application (see para 44).]

Kes-kes yang dirujuk

All Malayan Estates Staff Union v Rajasegaran & Ors [2006] 6 MLJ 97, MP (dirujuk)

Dalip Bhagwan Singh v PP [1998] 1 MLJ 1; [1997] 4 CLJ 645, MP (dirujuk)

Datuk Seri Ahmad Said Hamdan, Ketua Suruhanjaya, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia & Ors v Tan Boon Wah [2010] 3 MLJ 193, MR (dirujuk)

Liaw Kwai Wah & Anor v PP [1987] 2 MLJ 69; [1987] CLJ Rep 163; [1987] 1 CLJ 35, MA (diikut)
Mohd Alias bin Ibrahim v RHB Bank Bhd & Anor [2011] 3 MLJ 26; [2012] 1 SHLR 23, MT (dirujuk)
Noor Shariful Rizal bin Noor Zawawi v PP [2017] 3 MLJ 460; [2017] 4 CLJ 767, MR (dirujuk)
PP v Ayar & Ors [2010] 4 MLJ 400, MT (dirujuk)
PP v Ahmad Saiful Islam bin Mohamad [2023] MLJU 94; [2023] 2 CLJ 714, MR (dirujuk)
PP v Chew Siew Luan [1982] 2 MLJ 119, MP (tidak diikut)
PP v Ong Ah Kau & Ors [1976] 2 MLJ 31 (dirujuk)
PP v Yap Min Woe [1996] 1 MLJ 169; [1995] 4 CLJ 692, MP (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Rosman bin Saprey dan satu lagi rayuan [2018] 4 MLJ 139; [2019] 4 CLJ 767, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)) lwn Sathivel a/l Subramaniam dan lain-lain [2023] MLJU 940, MT (dirujuk)
Shrestha Sujan v PP [2021] 4 MLJ 227; [2021] 5 CLJ 162, MR (dirujuk)
Sing Hoe Motor Co Ltd v PP [1968] 2 MLJ 54 (dirujuk)
Tai Choi Yu v Ian Chin Hon Chong [2002] 5 MLJ 518; [2002] 2 CLJ 259, MT (dirujuk)
Yong Tshu Khin & Anor v Dahan Cipta Sdn Bhd & Anor and other appeals [2021] 1 MLJ 478; [2021] 1 CLJ 631, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 15(1)(a)
Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 (dimansuhkan oleh Akta Kawalan Padi dan Beras 1994) s 29(1)
Akta Mahkamah Juvana 1947 (dimansuhkan oleh Akta Kanak-Kanak 2001) ss 12, 28
Akta Perikanan 1985 s 47D
Akta Suruhanjaya Pencegahahan Rasuah Malaysia 2009 ss 10(5), 29(3), 49, 49(2), (2)(a), (2)(b), (2)(c), 49(3),
Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 17A
Kanun Keseksaan s 471
Kanun Tatacara Jenayah ss 17, 28, 117, 293(1), 323, 323(1)
Ordinan Lalulintas 1958 s 92(4)

Wan Shaharuddin bin Wan Ladin (Ahmad Akram bin Gharib, Law Chin How, Maziah bt Mohaide dan Nurul Atiqah bt Mohamad Alias bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) bagi pihak pemohon.
Abd Rahim bin Ali (Jihad Syahida Nadia bt Zakaria bersamanya) (Rahim, Aidil & Partners) bagi pihak responden pertama.
Responden kedua tidak diwakili peguam.
Rosli bin Kamaruddin (Rosli Kamaruddin & Co) bagi pihak amicus curiae.

Abu Bakar Katar H:

PENGENALAN

[1] Mohana Sundharam a/l Arunachalam (orang yang disyaki) ('OYDS(1)') dan Shiva Lingaa a/l Kannan (orang yang disyaki) ('OYDS(2)') telah ditangkap oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('SPRM') pada tarikh yang sama iaitu 15 Mei 2023. OYDS(1) dan OYDS(2) ditangkap oleh pihak SPRM pada masa yang berasingan iaitu masing-masing pada jam 1734 dan 2100 atas kesalahan s 471 Kanun Keseksaan ('KK').

[2] Pihak SPRM telah memohon OYDS(1) dan OYDS(2) ditahan reman di bawah s 117 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ').

[3] Puan majistret yang mendengar permohonan reman secara berasingan iaitu JA-89RE-2790–05 Tahun 2023 ('Kes 2790') dan JA-89RE-2791–05 Tahun 2023 ('Kes 2791') telah menolak permohonan SPRM berdasarkan pihak SPRM gagal mematuhi peruntukan s 49 Akta Suruhanjaya Pencegahahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta itu') khasnya keputusan Mahkamah Tinggi Temerloh, Permohonan Jenayah No CB-43(A)-1–05 Tahun 2023, dalam kes *Pendakwa Raya (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)) lwn Sathivel a/l Subramaniam dan lain-lain* [2023] MLJU 940 ('kes *Temerloh*'). Puan majistret juga berpendapat terdapat kecacatan dalam diari siasatan yang disediakan oleh SPRM.

[4] Timbalan pendakwa raya yang mewakili SPRM memohon Mahkamah Tinggi, Johor Bahru untuk menjalankan kuasa semakan di bawah s 323 Kanun Tatacara Jenayah.

LATAR PENTAS KES

[5] Bagi Kes 2790, siasatan dimulakan berdasarkan SPRM Johor Bahru Aduan No 13/2023 iaitu rentetan siasatan ke atas Aduan JBA 10/2023. Pada tahun 2021 OYDS(1) selaku Pengarah Sykt TMB Resources telah mengemukakan dokumen palsu iaitu 'Borang Pengesahan Pekerja' yang mengandungi senarai nama-nama seramai 29 orang pekerja yang tidak wujud bagi tujuan menuntut dan mendapatkan peruntukan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara ('PENJANA') dari PERKESO.

[6] Pihak PERKESO telah mengesahkan bayaran insentif telah dikreditkan ke dalam akaun syarikat TMB Resources sebanyak RM209,140. Pada 15 Mei 2023 jam 1734, pihak SPRM telah membuat tangkapan ke atas OYDS(1).

[7] Bagi Kes 2791, pihak SPRM memulakan siasatan berdasarkan SPRM Johor Bahru Aduan No 14/2023 ke atas Pengarah Syarikat AMDOS Technology melibatkan pengemukaan dokumen palsu iaitu 'Borang Pengesahan Pekerja' bagi PENJANA. PERKESO telah membayar syarikat tersebut membabitkan bayaran RM196,760. OYDS(2) selaku pengarah telah ditangkap oleh SPRM pada 15 Mei 2023 jam 2100.

[8] Pihak SPRM membuat tangkapan keatas OYDS(1) dan OYDS(2) bagi tujuan siasatan di bawah s 471 Kanun itu. Memandangkan siasatan pihak SPRM tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam dari tarikh tangkapan, pihak SPRM memohon reman di bawah s 117 KTJ.

MERIT PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH

[9] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit semakan pemohon, eloklah diperturunkan peruntukan s 323(1) KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> s 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.

[10] Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada dirungkai dalam kes tersohor *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69; [1987] CLJ Rep 163; [1987] 1 CLJ 35 di mana YAA Abdul Hamid KHN (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> We would observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided for in the Code is:
>
> > ... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

[11] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor*, mahkamah ini akan meneliti rekod prosiding Kes 2790 dan Kes 2791 bagi menentukan 'correctness' penolakan reman oleh puan majistret itu.

[12] Sebelum mahkamah ini menyentuh lebih lanjut merit permohonan semakan ini, eloklah disentuh terlebih dahulu kehadiran Hj Rosli bin

Kamaruddin sebagai 'Amicus Curiae'. Pihak TPR yang terpelajar dan peguam yang mewakili OYDS(1) menzahirkan persetujuannya dan tidak membantah atas kehadiran Hj Rosli sebagai 'Amicus Curiae'.

[13] Mahkamah ini ingin merujuk kes *Tai Choi Yu v Ian Chin Hon Chong* [2002] 5 MLJ 518; [2002] 2 CLJ 259 di mana YA Sulaiman Daud ada menyentuh 'Amicus Curiae' seperti berikut:

> *Who is an amicus curiae. In P Ramanatha Aiyar's The Law Lexicon, (2nd Ed) 1997, amicus curiae is defined as a friend of the court, being a person who voluntarily or on invitation of the court, and not on the instruction of any partyhelps the court in any judicial proceedings. In the instant case notwithstanding that the senior federal counsel has volunteered to help the court in her capacity as amicus curiae, however, in my view she can only be heard if invited by the court to do so* ...

[14] Mahkamah ini telah membenarkan kehadiran Hj Rosli bin Kamaruddin sebagai 'Amicus Curiae' dalam permohonan semakan ini. Mahkamah ini turut merujuk kes *Mohd Alias bin Ibrahim v RHB Bank Bhd & Anor* [2011] 3 MLJ 26; [2012] 1 SHLR 23 di mana 'Amicus Curiae' berperanan untuk '... to proffer their views on the matter'.

[15] Timbalan pendakwa raya ('TPR') yang terpelajar berhujah puan majistret itu semasa menolak permohonan reman ke atas OYDS(1) dan OYDS(2) atas alasan beliau terikat dengan keputusan kes *Temerloh*. Secara ringkasnya kes *Temerloh* memutuskan pihak SPRM perlulah mematuhi pra syarat s 49(2)(a), (b) atau (c) Akta itu sebelum permohonan reman di bawah s 117 KTJ dibenarkan. Sekiranya berlaku perlanggaran syarat-syarat bon yang dinyatakan di bawah s 49(2) Akta itu, barulah pihak SPRM boleh memohon reman di bawah s 117 KTJ selaras dengan peruntukan s 49(3) Akta itu.

[16] Mahkamah ini merujuk nota keterangan bagi Kes 2790, Puan Majistret itu ada mencatatkan seperti berikut:

> MAH: PERMOHONAN REMAN DITOLAK ATAS ALASAN KETIDAKPATUHAN SEKSYEN 49 SEPERTI MANA YANG DIPUTUSKAN DALAM KES PP V SATHIVEL (KES MAHKAMAH TINGGI TEMERLOH YANG DIPUTUSKAN OLEH YA TUAN ROSLAN).
>
> MAH: PEGAWAI SPRM TIDAK DAPAT MENGESAHKAN KEPADA MAHKAMAH SAMA ADA SEKSYEN 49 TELAH DIPATUHI DAN SAMA ADA PEMATUHAN TERSEBUT DI MASUKKAN DALAM ID SIASATAN.
>
> MAH: MAHKAMAH JUGA MENDAPATI PERMOHONAN REMAN DI BAWAH SEKSYEN 117 HANYA BOLEH DIBUAT SEKIRANYA SIASATAN TIDAK DAPAT DISELESAIKAN DALAM MASA 24 JAM, TERDAPAT PLETHORA OF CASES YANG MEMUTUSKAN SEDEMIKIAN. SEMAKAN TERHADAP ID SIASATAN MENDAPATI TIADA CATITAN BERKENAAN SIASATAN YANG DIJALANKAN TERHADAP OYDS DIREKODKAN. ATAS

ALASAN INI SAHAJA PERMOHONAN REMAN DI BAWAH SEKSYEN 117 TIDAK DAPAT DIBENARKAN DAN WAJAR DITOLAK.

[17] Sebelum mahkamah ini menyentuh dengan lebih lanjut, eloklah dirujuk pPeruntukan s 49 Akta itu yang menjadi teras hujahan pihak TPR yang terpelajar. Peruntukan s 49 Akta itu berbunyi seperti berikut:

(1) Tiap-tiap kesalahan di bawah Akta ini ialah suatu kesalahan boleh tangkap bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah.

(2) Tiap-tiap orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) boleh dilepaskan daripada jagaan —

(a) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya;

(b) apabila dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya; atau

(c) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya dan dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya.

(3) Mana-mana orang yang telah dilepaskan daripada jagaan di bawah subseksyen (2) boleh ditangkap semula tanpa waran oleh mana-mana pegawai Suruhanjaya —

(a) jika pegawai itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan atau selainnya dibenarkan dijamin telah atau mungkin dilanggar; atau

(b) apabila diberitahu secara bertulis oleh penjamin orang itu bahawa orang itu mungkin melanggar mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan dan bahawa penjamin itu hendak dibebaskan daripada obligasinya sebagai penjamin.

(4) Mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (3) dan tidak dilepaskan hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak munasabah, dan dalam apa-apa hal dalam masa dua puluh empat jam (tidak termasuk masa bagi apa- apa perjalanan yang perlu) dikemukakan di hadapan Mahkamah Majistret dan jika didapati oleh Mahkamah itu bahawa mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan atau selainnya dibenarkan dijamin telah atau mungkin dilanggar, Mahkamah itu boleh —

(a) mereman orang itu dalam jagaan; atau

(b) membenarkan orang itu dijamin atas syarat yang sama atau atas syarat yang lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

[18] TPR yang terpelajar menghujahkan puan majistret itu terkhilaf apabila gagal menimbangkan keputusan YA Teo Say Eng dalam kes *Public Prosecutor v Ayar & Ors* [2010] 4 MLJ 400. Peguam yang terpelajar yang mewakili OYDS(1) dalam Kes 2790 ada memaklumkan semasa permohonan reman Kes 2791, peguam yang mewakili OYDS(2), Encik Mohamad ada merujuk kes *Ayar & Ors* untuk perhatian puan majistret itu. Walaupun begitu, setelah diteliti nota keterangan membabitkan OYDS(1) dan OYDS(2), tidak ada dicatatkan sama ada perhatian puan majistret itu dibawa terhadap keputusan kes *Ayar & Ors*.

[19] Kes *Ayar & Ors* ia melibatkan permohonan reman di bawah s 47D Akta Perikanan 1985 (Akta 1985). Seramai 19 orang nelayan warga Indonesia telah ditangkap kerana menangkap ikan secara tidak sah di dalam perairan Malaysia. Permohonan reman di hadapan penolong pegawai daerah dibenarkan selama tiga hari. Selepas itu permohonan lanjutan reman dipohon di hadapan majistret, Mahkamah Majistret, Manjung, Perak Darul Ridzuan. Majistret itu tidak membenarkan permohonan reman atas alasan pegawai penyiasat gagal mengemukakan ID bagi menunjukkan apa tindakan yang telah diambil dalam tempoh reman tiga hari yang telah diberikan. Penasihat undang-undang, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ('APMM') telah memohon semakan di Mahkamah Tinggi, Ipoh di atas penolakan reman oleh majistret. YA Teo Say Eng dalam penghakimannya memutuskan peruntukan s 47D Akta 1985 tidak memperuntukkan secara jelas apakah prosedur yang perlu diikuti sekiranya siasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam. Dalam keadaan lacuna, peruntukan s 17 KTJ terpakai.

[20] Berbalik kepada kes semakan OYDS(1) dan OYDS(2), puan majistret itu langsung tidak menimbangkan keputusan *Ayar & Ors* yang telah dilaporkan seawal tahun 2010. Minda puan majistret itu terarah kepada kes *Temerloh* yang dikatakan pihak SPRM gagal mematuhi peruntukan s 49 Akta itu semasa permohonan reman ke atas OYDS(1) dan OYDS(2) bagi Kes 2790 dan Kes 2791.

[21] Mahkamah ini sedar wujud dua keputusan Mahkamah Tinggi berkaitan isu ini. Kes *Temerloh* memutuskan peruntukan s 49(2) Akta itu perlu dipatuhi secara ketat sebelum permohonan reman di bawah s 117 KTJ dipohon. Sebaliknya, Mahkamah Tinggi, Ipoh dalam kes *Ayar & Ors* memutuskan memandangkan s 47D Akta 1985 tidak memperuntukkan prosedur yang jelas, jika siasatan 24 jam tidak dapat diselesaikan, permohoanan reman di bawah s 117 KTJ terpakai. Mahkamah ini telah mendengar hujahan peguam 'Amicus Curiae' yang terpelajar di mana menggambarkan puan majistret itu seakan-akan tiada pilihan untuk mengikuti kes *Temerloh*. Mahkamah ini telah merujuk nota keterangan bagi Kes 2790 dan Kes 2791, puan majistet itu langsung tidak dirujuk atau menimbangkan kes

Ayar & Ors. Sekiranya kes *Ayar & Ors* dirujuk, puan majistret itu mempunyai budibicara untuk memilih keputusan kes *Temerloh* atau *Ayar & Ors* untuk diikuti.

[22] Mahkamah ini merujuk kes *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1; [1997] 4 CLJ 645 ada menyatakan:

> Courts in the tiers below the Court of Appeal cannot rely on the 'per incuriam exception' applied by the Court of Appeal for itself, but may choose between two conflicting decisions irrespective of the dates of those conflicting decisions.

[23] Prinsip yang digariskan dalam kes *Dalip Bhagwan Singh* di atas diikuti oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Public Prosecutor v Ahmad Saiful Islam bin Mohamad* [2023] MLJU 94; [2023] 2 CLJ 714. Dalam kes *Ahmad Saiful Islam Mohammad*, Mahkamah Rayuan menggarap isu pengambilan sampel air kencing bagi kesalahan s 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu sama ada dua botol sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Noor Shariful Rizal bin Noor Zawawi v Public Prosecutor* [2017] 3 MLJ 460; [2017] 4 CLJ 767 atau satu botol sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Pendakwa Raya lwn Rosman bin Saprey dan satu lagi rayuan* [2018] 4 MLJ 139; [2019] 4 CLJ 767. YA Dato Hashim Hamzah HMR dalam penghakimannya memutuskan seperti berikut:

> [43] For this appeal, when two decisions of the Court of Appeal conflict on a point of law, the later decision prevails over the earlier decision. If the subordinate courts can choose either decision of the Court of Appeal, there will be no finality to the issue and no certainty in the law. This would defeat the purpose of judicial precedent and stare decisis.

[24] Dalam kes *Ahmad Saiful Islam Mohammad*, Mahkamah Rayuan memilih keputusan yang terkini iaitu *Pendakwa Raya lwn Rosman bin Saprey dan satu lagi rayuan* iaitu memadai satu botol untuk pengambilan sampel urin.

[25] Berbalik kepada kes semasa, sekiranya puan majistret itu sedar atau sedia maklum keputusan Mahkamah Tinggi, Ipoh dalam kes *Ayar & Ors* dan *kes Temerloh*, puan majistret itu secara kehakiman boleh memilih keputusan *Ayar & Ors* dan tidak menjumudkan minda dengan keputusan *kes Temerloh* semasa menolak permohonan reman pihak SPRM bagi Kes 2790 dan Kes 2791 pada 16 Mei 2023.

[26] Mahkamah ini juga berpendapat puan majistret itu semasa mengikuti keputusan *kes Temerloh* semata-mata berdasarkan alasan pihak SPRM gagal mematuhi peruntukan s 49(2)(a),(b) atau (c) Akta itu. Sehubungan itu tidak berlaku apa-apa perlanggaran oleh OYDS(1) dan OYDS(2) bagi membolehkan permohonan reman s 117 KTJ.

[27] Mahkamah ini berpendapat peruntukan s 49(2) Akta itu perlu dibaca bersama peruntukan s 29(3) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> (3) Jika seseorang pegawai Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mengesyaki pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini berikutan dengan suatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau maklumat yang diterima selainnya olehnya, dia hendaklah menyebabkan penyiasatan dibuat dan bagi maksud itu boleh menjalankan segala kuasa penyiasatan yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan Kanun Tatacara Jenayah.

[28] Mahkamah ini berpendapat pegawai SPRM semasa menjalankan siasatan termasuk memohon reman boleh merujuk peruntukan s 28 KTJ dan s 117 KTJ. Peruntukan s 49 Akta itu tidak mempunyai peruntukan khusus berkaitan jika siasatan tidak dapat dilengkapkan dalam tempoh 24 jam apakah prosedur yang perlu dipatuhi oleh pihak SPRM sebagaimana peruntukan s 117 KTJ. Mahkamah ini berpendapat puan majistret itu gagal memberikan tafsiran s 49 Akta itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 17A Akta Tafsiran 1948/1967 (Akta 1948/67). Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s 17A Akta 1948/67 yang berbunyi seperti berikut:

> In the interpretation of a provision of an Act, a construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether that purpose or object is expressly stated in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object.

[29] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar Peruntukan s 49 Akta itu perlulah ditafsirkan mengikut s 17A Akta 1948/67 iaitu apakah objektif atau tujuan Akta itu digubal oleh Badan Parlimen. Mahkamah ini berkesempatan merujuk pemakaian s 17A Akta 1948/67 sebagaimana yang dinyatakan dalam penghakiman kes *Datuk Seri Ahmad Said Hamdan, Ketua Suruhanjaya, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia & Ors v Tan Boon Wah* [2010] 3 MLJ 193 di mana YA Ahmad Maarop HMR (pada ketika itu) ada menzahirkan pandangannya seperti berikut:

> [23] This bring us to s 17A of Act 388 which provides that in the interpretation of a provision of an Act, a construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether that purpose or object is expressly stataed in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object(see also *Tenaga National Bhd v Ong See Tiong*). The purpose of the MACC Act can be gathered from the long title to the Act which is as follows:
>
> > An Act to provide for the establishment of the Malaysian Anti-Corruption Commission, to make further and better provisions for the prevention of corruption and for matters neccessary thereto and connected therewith.

[30] Mahkamah ini berpendapat pihak SPRM dalam menjalankan tugasnya untuk menyiasat pelaku rasuah mempunyai pilihan yang luas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 29(3) Akta itu, dalam keadaan peruntukan s

A 49 Akta itu yang senyap dan tidak memperuntukkan prosedur jika siasatan tidak dapat dilengkapkan dalam tempoh 24 jam, mengambil pendekatan secara harfiah di bawah s 17A Akta 1948/67, mengambil kira niat Badan Parlimen semasa mengubal Akta itu, pihak SPRM tidak terhad kepada peruntukan s 49(2) Akta itu semata-mata. Sebaliknya pihak SPRM boleh
B memohon reman di bawah s 117 KTJ (sila rujuk kes-kes *All Malayan Estates Staff Union v Rajasegaran & Ors* [2006] 6 MLJ 97 dan *Yong Tshu Khin & Anor v Dahan Cipta Sdn Bhd & Anor and other appeals* [2021] 1 MLJ 478; [2021] 1 CLJ 631).

C **[31]** Mahkamah ini berpendapat tiada peruntukan khusus di bawah s 49 Akta itu berkaitan tahanan selepas 24 jam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 117 KTJ. Sehubungan itu prinsip 'Generalibus specialia derogant' yang diputuskan dalam nas-nas duluan antaranya ialah *Public Prosecutor v Chew Siew Luan* [1982] 2 MLJ 119 tidak terpakai.

D

[32] Mahkamah ini turut menimbangkan peruntukan s 49(2) Akta itu mengunakan perkataan 'boleh'. Badan Parlimen semasa mengubal peruntukan s 49(2) Akta itu mengunakan perkataan 'boleh'. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s 49(2) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:
E

> (2) Tiap-tiap orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) *boleh* dilepaskan daripada jagaan —
>
> (a) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya;
>
> F (b) apabila dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya; atau
>
> (c) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya dan dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana
> G yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya.

[33] Mahkamah ini merujuk nas duluan yang memutuskan perkataan 'boleh' bermaksud bukan mandatori atau wajib. Mahkamah ini merujuk kes
H *Sing Hoe Motor Co Ltd v Public Prosecutor* [1968] 2 MLJ 54 melibatkan tafsiran perkataan 'may' bagi maksud peruntukan s 92(4) Ordinan Lalulintas 1958 yang berbunyi seperti berikut:

> ... an order for the forfeiture of such vehicle may be made if it is proved to the satisfaction of the court that an offence against this section has bee committed ...

I

[34] Mahkamah ini turut merujuk kes *Public Prosecutor v Ong Ah Kau & Ors* [1976] 2 MLJ 31 di mana perkataan 'may' bagi maksud s 29(1) Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 diputuskan oleh YA Syed Agil Barakbah, ia tidak mandatori.

[35] Selanjutnya, mahkamah ini merujuk kes *Shrestha Sujan v Public Prosecutor* [2021] 4 MLJ 227; [2021] 5 CLJ 162 di mana Mahkamah Rayuan memutuskan perkataan 'may' bagi maksud peruntukan s 293(1) KTJ bukan mandatori. YA Hadhariah Syed Ismail HMR berpendapat:

> [18] We agree with the DPP that the trial judge had considered relevant factors including the seriousness of the offence and the trend of sentencing. We also agree with the DPP that by virtue of the word 'may' in s 293(1) of the CPC, it is not mandatory for the trial judge to consider s 293 before she passed the sentence. However, we took the view that the trial judge can still consider s 293 and decide whether that section is applicable or not. If the trial judge says s 293 is not applicable, she must state the reasons why it is not applicable. We find the failure of the trial judge to consider s 293 to reduce the sentence notwithstanding the trend of sentencing based on the special facts of the case has caused injustice to the appellant.

[36] Mahkamah ini turut menimbangkan sekiranya Badan Parlimen berniat untuk mewajibkan pihak SPRM mematuhi peruntukan s 49(2) Akta itu, Badan Parlimen akan mengunakan perkataan 'shall' dan bukannya 'may'. Nas duluan memutuskan perkataan 'shall' membawa maksud mandatori atau wajib. Nas-nas duluan ada memutuskan perkataan 'shall' membawa maksud mandatori. Mahkamah ini berpendapat memadai merujuk kes *Public Prosecutor v Yap Min Woe* [1996] 1 MLJ 169; [1995] 4 CLJ 692 di mana YA Mohamed Dzaiddin HMP memutuskan perkataan 'shall' di bawah s 12 dan s 28 Akta Mahkamah Juvana 1947 membawa maksud mandatori. YA dalam penghakimannya menyatakan:

> [2] Having regard to the powers of the Juvenile Court under the Juvenile Courts Act, and the powers conferred on the High Court by s 40 of the Act, and particularly to the scope of s 28 and proviso (a) thereto, the word 'shall' appearing in ss 12 and 28 of the Juvenile Courts Act is mandatory in nature, and therefore, under s 28, the order of detention of three years made by the Juvenile Court is mandatory which could not be varied by the appellate court. Bawah s 12 dan s 28 Akta Mahkamah Juvana 1947 adalah mandatori.

[37] Berbalik kepada kes semakan semasa, berbekalkan nas-nas duluan yang dirujuk sebelum ini mahkamah ini berpendapat peruntukan s 49(2) Akta itu bukan wajib atau mandatori terhadap pihak SPRM mengambil pendekatan untuk melepaskan OYDS dengan bon jaminan. Pihak SPRM jika keadaan kes memerlukan OYDS untuk ditahan bagi tujuan siasatan, tidak terikat untuk mengunakan peruntukan s 49(2) Akta itu. Pihak SPRM dan juga pegawai SPRM mempunyai kuasa yang menyamai kuasa-kuasa polis dalam menjalankan tugas-tugas yang diperuntukkan di dalam Akta itu. Peruntukan s 10(5) Akta itu dengan jelas memberi jaminan berkaitan perkara ini. Peruntukan s 10(5) Akta itu berbunyi seperti berikut:

> (5) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa bagi maksud Akta ini, *seseorang pegawai Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun*

Tatacara Jenayah [Akta 593] dan Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang Yang Tidak Diingini 1969 [Akta 7] dan kuasa itu adalah tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan bukan pengurangannya, tetapi sekiranya terdapat apa-apaketidakselarasan atau percanggahan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan Kanun Tatacara Jenayah, peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi peruntukan Kanun itu.

[38] Peruntukan s 49(2) Akta itu tidak wajib atau mandatori pihak SPRM perlu memberikan bon jaminan kepada OYDS(1) dan OYDS(2). Pihak SPRM boleh memohon reman di bawah s 117 KTJ tanpa terlebih dahulu mengambil tindakan di bawah s 49(2) Akta itu sebagaimana yang disarankan dalam kes *Temerloh*.

[39] Sebaik pihak SPRM mendapat maklumat berlakunya kesalahan rasuah termasuk kesalahan berjadual iaitu s 471 Kanun itu, pegawai penyiasat perlu bertindak segera untuk melakukan siasatan terhadap OYDS(1) dan OYDS(2). Permohonan reman di bawah s 117 KTJ membolehkan pihak SPRM menjalankan siasatan dengan mudah dan berkesan. Pihak SPRM mempunyai pilihan untuk tidak mengunakan peruntukan s 49(2) Akta itu dalam kes semasa.

[40] Mahkamah ini merujuk kes *Datuk Seri Ahmad Said Hamdan, Ketua Suruhanjaya, Suruhanjaya Pencegah Rasuah, Malaysia & Ors* ada menekankan pentingnya siasatan kes rasuah diambil tindakan dengan segera. YA Ahmad Maarop HMR dalam penghakimannya menyatakan:

> [24] Under the law, the investigator is enjoined upon to unearth the crime and as soon as he receives the information about the crime, he is to proceed to the spot, ascertain the facts and circumstances of the case and arrest the suspected offender, collect the evidence relating to the commission of the offence, examine various persons including the accused, reduced their statements into writing, to search the places and take into possession the things considered necessary for the investigation abd to be produced at the trial ...

[41] Mahkamah ini berpendapat pihak SPRM bergantung kepada jenis kesalahan dan fakta sesuatu kes, mempunyai budibicara untuk menentukan sama ada OYDS(1) dan OYDS(2) perlu diberikan bon jaminan mengikut peruntukan s 49(2) Akta itu atau pihak SPRM memohon reman di bawah s 117 KTJ sebaik tempoh 24 jam akan berakhir. Mahkamah ini sebelum ini telah memutuskan peruntukan s 49(2) Akta itu bukannya manndatori atas alasan Badan Parlimen semasa mengubalnya memilih perkataan 'boleh' (*may*) dan bukannya 'shall'.

[42] Semasa penghujahan yang dikemukakan oleh peguam OYDS(1) yang terpelajar dan peguam 'Amicus Curiae' yang terpelajar ada menyentuh isu diari

siasatan yang dikemukakan oleh pegawai SPRM tidak lengkap semasa permohonan reman OYDS(1) dan OYDS(2) di hadapan puan majistret. Mahkamah ini berpendapat isu ini akan disentuh di dalam forum yang lainnya.

KESIMPULAN

[43] Berdasarkan alasan-alasan yang dihuraikan di atas, mahkamah ini berpendapat puan majistret itu semasa menolak permohonan reman OYDS(1) dan OYDS(2) hanya berdasarkan keputusan *kes Temerloh* tanpa menimbangkan kes *Ayar & Ors*. Puan majistret itu turut gagal memberi tafsiran s 49(2) Akta itu mengikuti tafsiran s 17A Akta 1948/67 ia memberi kesan kepada pengabaian Akta itu digubal untuk membenteras kesalahan rasuah yang diamanahkan kepada SPRM. Puan majistret gagal menghayati tiada peruntukan khusus berkaitan reman sebaik tempoh 24 jam berakhir diperuntukkan di bawah s 49(2) Akta itu. Pihak SPRM mempunyai pilihan untuk memohon reman di bawah s 117 KTJ tanpa bergantung kepada peruntukan s 49(2) Akta itu. Peruntukan s 29(3) Akta itu perlu dibaca bersama dengan peruntukan s 49(2) Akta itu bagi mencapai maksud tafsiran s 17A Akta 1948/67.

[44] Memandangkan OYDS(1) dan OYDS(2) telah dilepaskan sebaik permohonan reman oleh SPRM ditolak, kini telah menjadi perkara akademik. Mahkamah ini tidak berhasrat untuk mengeluarkan apa-apa perintah dalam permohonan semakan ini.

Tiada perintah dibuat.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar